

28 MAY 2003

CFSB-PAKEJ/I

CREDIT SUISSE HARGAI STRATEGI KERAJAAN TOLONG RAKYAT BIASA

KUALA LUMPUR, 28 Mei (Bernama) -- Pakej ekonomi RM7.3 bilion yang diumumkan minggu lepas telah dianggap oleh firma perbankan antarabangsa Credit Suisse First Boston (CSFB) sebagai membantu "rakyat biasa".

Menurutnya, penekanan kepada membantu rakyat biasa boleh dilaksanakan dengan jayanya menerusi kehendak politik dan birokratik, iaitu dua ciri penting yang dimiliki negara.

Ia benar-benar terbukti apabila Bank Negara Malaysia (BNM) mendedahkan kepada CSFB bahawa bank pusat itu mendapatkan pakar-pakar dari luar untuk melaksanakan skim kredit mikro yang diumumkan di bawah pakej itu.

Dengan usaha penstrukturan korporat yang dibuat di negara sebelum ini, CSFB kini lebih bulis dengan pasaran saham Malaysia, demikian menurutnya dalam laporan penyelidikan "Asian Daily" yang dikeluarkan baru-baru ini.

Di bawah pakej ekonomi yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 21 Mei lepas, kerajaan memperkenalkan skim kredit mikro yang bermatlamat untuk menyalurkan wang dan merangsang keyakinan pengguna. Langkah ini, menurut CSFB, adalah serupa dengan langkah yang dilaksanakan di Thailand dan Indonesia.

"Temu bual dengan Dr Mahathir menunjukkan bahawa buah fikiran peribadi yang diselitkan dalam belanjawan kecil ini adalah untuk membantu rakyat biasa.

"Jelas di sini, wujudnya kehendak politik," menurut firma itu.

Menurut CSFB, propek untuk pakej itu berjaya adalah cerah walaupun kerajaan Malaysia tidak memiliki dan seterusnya menguasai sebahagian besar dasar-dasar pemberian pinjaman sistem perbankan, tidak seperti Thailand.

Pakej itu juga hanya mencakupi 1.6 peratus daripada keluaran dalam negara kadar (KDNK), dan dengan hutang kerajaan yang rendah, "Malaysia mempunyai lebih banyak langkah yang boleh dilakukan, sekiranya perlu."

CSFB turut menyatakan bahawa pakej itu mengandungi langkah-langkah jelas untuk membantu industri pelancongan yang terjejas akibat Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS).

"Syukur, dengan kes sebenar yang amat sedikit di Malaysia, dan SARS semakin berkurangan, jolokan Malaysia sebagai destinasi pelancongan tidak banyak terjejas.

"Sememangnya, Malaysia dikatakan sebagai mesra pelancong bagi dunia Arab dan selamat daripada tindakan pengganas," menurut CFSB.

"Selain itu, perkhidmatan seperti pendidikan, pelancongan perubatan, pengangkutan dan logistik jelas dijadikan sasaran insentif, semuanya akan merangsang akaun perkhidmatan," katanya.

CSFB juga menyatakan bahawa Malaysia turut muncul sebagai antara pasaran saham Asia yang digemari. -- BERNAMA

MAD MR SD JR